

Dr. Mahathir, Dr. Siti Hasmah terima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah UUM hari ini

ALOR STAR 14 Julai — Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, masing-masing akan menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Pembangunan) dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Kerja Sosial) daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) esok.

Majlis konvokesyen khas universiti itu diadakan bagi menghargai jasa bekas Perdana Menteri dan bekas Ahli Parlimen Kubang Pasu itu yang telah membangunkan negara baik dalam bidang akademik, bangsa dan agama selama 20 tahun menerajui Malaysia.

Sultan Kedah selaku Canselor UUM, Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah berkenan untuk menyampaikan ijazah berkenaan.

Menurut Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri, pengorbanan Tun Dr. Mahathir terhadap penubuhan universiti ini memang tidak dapat dinafikan lagi.

Walaupun kawasan ini adalah lembah tempat bertapaknya penganas komunis satu ketika dulu, namun beliau yakin universiti yang terletak di 'lubuk komunis' ini akan menjadi lembah ilmu yang tersohor di negara ini dan dunia satu hari nanti, katanya.

Katanya, daripada seramai 295 orang pelajar perintis yang mengikuti pengajian sulung pada 7 Julai 1984 di kampus sementara Bandar Darulaman, Jitra, UUM yang berpindah ke kampus tetap bernilai RM580 juta di Sintok pada 25 September 1990, kini memiliki hampir 20,000 pelajar dalam dan luar negeri.

Menurut beliau, Tun Dr. Mahathir mengilhamkan penubuhan universiti keenam ini bagi menampung permintaan melanjutkan pelajaran tinggi yang semakin meningkat, sekali gus mengatasi kekurangan tempat di universiti awam lain.

UM-15/7/2004: 2 Perdana
Berikutan itu, katanya, pada Ogos 1983 kerajaan mengarahkan Kementerian Pendidikan (ketika itu) supaya menjalankan kajian penubuhan universiti itu disusuli kelulusan kabinet pada 19 Oktober tahun sama.

Sebagai salah seorang kakitangan perintis penubuhan UUM, Dr. Ahmad Fawzi berkata, warga universiti itu sewajarnya menghargai usaha kerajaan menubuhkan universiti itu, sekali gus menukarkan kawasan itu sebagai satu lagi 'gedung ilmu' disegani di negara ini.

"Antara objektif penubuhan kampus itu ialah mengembang dan

memajukan pendidikan pengurusan dalam bidang pengurusan, perakuan, ekonomi, teknologi maklumat, pentadbiran awam, pengurusan sumber manusia, keusahawanan, kewangan dan perbankan. Ia juga penggalak perkembangan sosial, ekonomi dan intelektual di kawasan utara," katanya dalam kenyataan akhbar hari ini.

Beliau berkata, titik hitam di Sintok, antaranya pernah dikuasai Parti Komunis Malaya suatu ketika dulu juga perlu diingati generasi muda supaya menghargai sumbangan anggota keselamatan dan orang ramai yang gugur dan cedera demi mempertahankan kawasan pekan itu.

"Siapa menduga Pekan Sintok yang dibiarkan sepi bagi menangani ancaman komunis suatu ketika dulu kini bertukar wajah. Tiada lagi suasana sengsara, sebaliknya muncul wajah pelajar dan ibu bapa yang ceria dengan kejayaan anak mereka menjejakkan kaki di menara gading dan keluar dengan segulung ijazah.

"Sebagai menghargai sumbangan besar Tun Mahathir dan isteri dalam usaha merealisasikan penubuhan dan perkembangan universiti ini sehingga muncul antara universiti disegani dengan rasa besar hati anugerah ini diberikan kepada beliau dan isteri," katanya.